

**PERKARA YANG BOLEH
DITUNTUT OLEH SUAMI
ATAU ISTERI ANTARANYA
ADALAH :**

1. Nafkah diri
2. Nafkah anak
3. Tunggakan nafkah
4. Hak tempat tinggal
5. Hak cagaran nafkah
6. Nafkah sementara
7. Perintah tegahan

**HAK SUAMI ISTERI
MEMBUAT TUNTUTAN
DALAM TEMPOH
PERKAHWINAN**



**JABATAN KEHAKIMAN
SYARIAH NEGERI PULAU
PINANG**

**No 3, Jalan Batu Gantung,
10450 Georgetown,
Pulau Pinang**

HUBUNGI KAMI
Telefon : 04-830 7777
Faks : 04-830 7899
Laman Web : jksnpp.penang.gov.my

7. PERINGATAN TEGAHAN

i. Mana-mana pihak boleh memohon kepada Mahkamah Satu perintah tegahan atau larangan kepada seseorang untuk menahan dirinya dari mengganggu, mencerca, memaki hamun, menceroboh, memukul, mendera atau menganiaya ke atas suami isteri atau isteri atau bekas suami atau bekas isterinya.

ii. Mana-mana pihak boleh memohon kepada Mahkamah atau satu perintah tegahan atau larangan menahan transaksi harta yang akan mengurangkan keupayaan mana-mana pihak melaksanakan perintah nafkah isteri, nafkah anak, harta sepencarian dan mut'ah.

1. NAFKAH DIRI

Nafkah mengikut Hukum Syarak, seseorang isteri yang taat berhak mendapat nafkah daripada suaminya. Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 pula telah memperuntukkan bahawa Mahkamah boleh memerintah seseorang lelaki sama ada suami atau lelaki lain yang tertentu seperti anaknya yang berkemampuan (jika suami tak upaya dari segi mental dan fizikal memperuntukkan nafkah saraan keluarganya) membayar nafkah seorang isteri.

2. NAFKAH ANAK

Mengikut Hukum Syarak, bapa adalah wajib menanggung nafkah anak-anaknya yang masih di bawah tanggungannya dan yang tidak berkemampuan. Mahkamah boleh memerintah seseorang bapa membayar nafkah untuk faedah mana-mana anaknya jika ia telah enggan atau cuai memperuntukkan nafkah anaknya, meninggalkan isteri dan anaknya itu dalam jagaan isterinya serta dalam masa menanti sesuatu prosiding hal ehwal suami isteri.

3. TUNGGAKAN NAFKAH

Tunggakan nafkah ialah nafkah yang tidak ditunaikan oleh suami kepada isteri dalam tempoh perkahwinan dan menjadi hutang ke atas suaminya dan wajib dibayar.

Tunggakan ini boleh dituntut di mana-mana Mahkamah Syariah.

Tunggakan nafkah anak boleh dipohon kepada

Mahkamah apabila suami atau isteri atau bekas suami telah gagal melaksanakan satu perintah nafkah anak yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Tunggakan tersebut boleh dipohon dari tarikh kegagalan membayar perintah nafkah anak tersebut.

4. HAK TEMPAT TINGGAL

Suami adalah berkewajipan menyediakan tempat tinggal yang sesuai dan munasabah untuk isterinya sama ada secara menyewa atau miliknya sendiri. Isteri boleh membuat tuntutan di Mahkamah Syariah sekiranya suami tidak menyediakan keperluan tersebut dan isteri tidak diisytiharkan nusyuz oleh Mahkamah.

5. HAK CAGARAN NAFKAH

Isteri yang berhak mendapat nafkah daripada suaminya, boleh memohon kepada Mahkamah Syariah untuk memerintah ke atas suaminya supaya memberi cagaran dengan meletakkan apa-apa harta oleh Mahkamah bagi tujuan pembayaran nafkah atau sebahagian darinya bagi menjamin bayaran nafkah itu dapat dilaksanakan dengan teratur dan dijelaskan pada masa yang telah ditetapkan.

6. NAFKAH SEMENTARA

Isteri atau wakilnya, berhak memohon kepada Mahkamah atau perintah sementara nafkah bagi dirinya, semasa prosiding Mahkamah sedang berjalan, sehingga satu keputusan Mahkamah Syariah muktamad dikeluarkan.

